

20/11/1999

Abdul Ghani ganti Aliah

KUALA SELANGOR, Jumaat - Calon Barisan Nasional (BN), Aliah Mohd Salleh yang semalam diumumkan akan bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Gombak Setia, menarik diri hari ini.

Aliah, 50, digantikan oleh bekas guru besar, Abdul Ghani Mohd Yatim, 56, yang juga Setiausaha Umno cawangan Gombak, bagi menghadapi calon Pas, Datuk Dr Ismail Kamus.

Pengerusi BN Negeri, Datuk Seri Abu Hassan Omar, berkata pengguguran Aliah daripada bertanding di Gombak Setia dibuat selepas beliau berbincang dengan Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, Aliah menyatakan hasrat untuk menumpukan perhatian kepada keluarga selain tidak sanggup melepaskan jawatan penting dalam anak syarikat kerajaan negeri.

Abu Hassan berkata, sebaik saja Dr Mahathir bersetuju dengan penarikan diri Aliah, Badan Perhubungan Umno Selangor mengadakan mesyuarat tergepar untuk membincangkan calon baru dan bersetuju memilih Abdul Ghani.

"Sebagai seorang yang lama berjuang dalam politik, Abdul Ghani adalah calon paling sesuai bertanding di Gombak Setia dan dipersetujui Dr Mahathir malam tadi," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata, selain Aliah, tiada perubahan ke atas senarai calon BN Selangor seperti diumumkannya semalam.

Beliau berharap mereka yang dipilih bersedia menghadapi penamaan calon esok seterusnya mengatur strategi untuk menghadapi pilihan raya bagi memastikan BN menyapu bersih semua kerusi DUN dan Parlimen di Selangor.

Sementara itu, Aliah ketika dihubungi berkata beliau akan memberikan komitmen dalam kempen bagi membantu Abdul Ghani memenangi kerusi DUN Gombak Setia.

"Saya akan tetap berkempen seperti biasa dan berharap pengundi di Gombak Setia memberikan sokongan padu kepada calon BN," katanya.

(END)